

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN DEWAN PEKERTI, DI NEGERI SEMBILAN
PADA HARI RABU, 14 MEI 1997
PUKUL 10.00 PAGI

Terlebih dahulu, saya mengucapkan penghargaan kepada yang Di Pertua PEKERTI, Yang Amat Berbahagia Puan Seri Hjh Hazizah bt. Hj . Tumin, serta ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli PEKERTI kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Dewan PEKERTI yang indah ini. Majlis ini membawa pengertian yang amat besar kepada kita semua kerana ia memperlihatkan kesungguhan barisan kepimpinan organisasi sosial seperti PEKERTI untuk mengemudikan projek "Rumah Sendiri" bagi dimanfaatkan oleh seluruh ahlinya menerusi perancangan pelbagai aktiviti yang berkualiti. Bagi pihak Bakti, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan PEKERTI dan yakin ia akan menjadi penyemarak kepada badan-badan sosial seumpamanya di negeri-negeri lain untuk mengikut jejak pertubuhan ini.

2. Keupayaan Projek ini juga pasti diiringi dengan sokongan padu pihak berkuasa negeri serta dokongan badan-badan korporat dan syarikat-syarikat perniagaan, baik secara berkumpulan mahupun atas kapasiti perseorangan. Segala budi baik yang dihulurkan baik dalam bentuk kelulusan mahupun sumbangan kewangan dan material meyakinkan lagi konsep persamaan di dalam menjayakan rangkaian aktiviti sosial negara.

3. Sesungguhnya, rasa keprihatinan semua pihak haruslah digemblengkan pada hari ini bagi mendokong program pembangunan sosial negara sebagai mengimbangi kerancangan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat masakini. Perkongsian ide, ilmu, kemahiran serta sokongan kewangan dan material mampu mempercepatkan lagi proses pembangunan negara. Meskipun badan-badan sosial bergerak atas sifat sukarela, namun ianya penting dalam pembangunan

masyarakat. Apatahlagi badan pembimbing dan penggalak seperti BAKTI, PEKERTI dan sebagainya.

4. Selaku isteri kepada pemimpin dan pentadbir utama negara dan negeri, kita mempunyai tugas yang penting bagi meningkatkan tahap dan pemikiran sosial masyarakat awam. Pertamanya pastilah di kalangan kelompok ahli-ahli sendiri, dan keduanya di kalangan masyarakat umum yang begitu dahagakan panduan dan bimbingan. Oleh itu, berasaskan kepada keperluan bersama inilah, kita sentiasa mengharapkan ihsan dan bantuan pihak kedua dan ketiga bagi meringankan beban serta 'rintangan' terutamanya dari segi penyediaan peruntukan untuk diagih-agihkan bagi faedah dan manfaat ramai.

5. Alhamdulillah, dalam konteks ini, semangat berinteraksi dan bekerjasama di dalam memajukan program-program pembangunan sosial negeri dan negara ini telah mencapai tahap yang memuaskan. Jika di masa-masa lalu, pergerakan dan pertubuhan berjalan bersendirian, tetapi hari ini keadaan itu telah berubah. Semakin banyak organisasi awam yang tampil ke hadapan menghulurkan khidmat bakti dan bantuan kewangan di samping sokongan moral kepada program-program pembangunan sosial baik yang dianjurkan oleh Kerajaan mahupun badan-badan bukan Kerajaan seperti NGOs dan pertubuhan sukarela amnya. Inilah semangat yang mahu kita terapkan di kalangan masyarakat Malaysia hari ini. Tanggungjawab bersama ini mestilah dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya kita. Dengan ini, negara akan beroleh kejayaan kerana setiap program dan projek yang direncanakan mendapat 'response' yang memberangsangkan daripada segenap peringkat masyarakat.

6. Dalam hubungan kita selaku penggerak kaum serikandi yang utama di negeri masing-masing, segala kemajuan termasuk di bidang fizikal seperti ini hendaklah dihargai dengan sewajarnya. Kita harus merasakan diri kita bertuah kerana pada kebanyakan masa, rayuan dan harapan kita kepada masyarakat umum sentiasa disahut. Oleh yang demikian, kita haruslah pula berusaha sedaya upaya untuk mengatur program-program yang bermutu bagi kepentingan ahli-ahli dan masyarakat ramai. Tidak ada gunanya kita bermegah dengan bangunan perkasa dan tersergam indah sekiranya kita tidak

mampu melahirkan program-program yang mampu menyatupadukan keseluruhan ahli. Sokongan keseluruhan ahli adalah penting bagi membuktikan keluhuran diri selaku pendamping kepada pentadbir dan kepimpinan negeri.

7. Kaum wanita di dalam cabang sosial ini haruslah diberikan pengiktirafan tinggi oleh semua pihak khususnya kerajaan supaya pengharapan yang tinggi sentiasa sahaja diletakkan di bahu kaum serikandi ini.

8. Di sini, saya menyeru agar kepimpinan pertubuhan pendamping akan terus menyusun program-program yang bernas, bermutu serta mengisi hasrat dan visi negara. Ini bermakna, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti 'routine', kepimpinan persatuan juga haruslah memikirkan secara yang lebih meluas akan penguasaan dan jangkauan masing-masing dalam konteks membina sebuah negara yang sihat. Penceburan yang lebih aktif di kalangan pergerakan dan pertubuhan sosial dengan menyuntik program-program khusus untuk faedah masyarakat ramai adalah penting. Dalam hubungan ini, PEKERTI mestilah turut menyelitkan program-program bersama rakyat di samping aktiviti biasa yang hanya membabitkan kelompok ahli-ahli sahaja. Langkah seumpama ini akan lebih dirasakan oleh kita semua terutamanya bagi tempoh jangka panjang. Ianya juga memudahkan lagi misi pembangunan negara di abad baru dengan kehadiran konsep timbal balas di antara golongan kepimpinan dan masyarakat pertengahan.

9. Sesungguhnya, segala pembabitan kita dalam dunia sosial haruslah menghala kepada jalan yang baik. Segala ini kita lakukan sebagai menyatakan rasa kesyukuran kita ke hadrat illahi atas nikmat kemajuan dan kemakmuran yang telah dicapai selama ini. Kita bergiat aktif bukan sahaja bagi tujuan menjaga kesihatan, memelihara kecantikan ataupun mengisi ruang kekosongan, tetapi lebih daripada itu untuk menyempurnakan tanggungjawab perjuangan yang tidak berkesudahan, yakni mengangkat imej dan martabat masyarakat separas kecemerlangan penduduk di dunia. Kita tidak mahu masyarakat Malaysia tinggal

di tengah-tengah kesibukan dan kerancakkan era kemajuan negara hari ini. Kita harus melaksanakan objektif-objektif menjadi negara maju dengan menerapkan persefahaman dan rasa keinsafan bagi memikul tanggungjawab murni ini.

10. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada PEKERTI di atas kejayaannya memiliki rumah sendirinya. Penghargaan juga dipanjangkan kepada Kerajaan negeri dan para penyumbang yang telah bermurah hati untuk mendokong projek ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Dewan PEKERTI Negeri Sembilan.
